

**UCAPAN Y.A.B. TIMBALAN PERDANA MENTERI
BAGI MEMBUKA ANGGARAN PERBELANJAAN
PEMBANGUNAN TAHUN 1967
DI DEWAN RAKYAT**

Tuan Yang di-Pertua¹,

Saya tidak tahu sama ada Dewan ini mengetahui atau tidak bahawa selepas Pilihanraya umum tahun 1959, saya telah memegang jawatan Menteri Kewangan selama 24 jam. Tetapi oleh sebab saya bernasib baik kerana Y.T.M. Tunku Perdana Menteri² sentiasa mempunyai perasaan kasihan belas dan murah hati, beliau telah menerima permintaan saya supaya saya diteruskan memegang jawatan Menteri Pertahanan dan juga Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Oleh itu saya berasa saya adalah mempunyai perasaan kasihan belas yang penuh terhadap rakan saya, Menteri Kewangan³, disebabkan ia terpaksa menjalankan tugas yang tidak begitu menyenangkan hati setengah-tengah penduduk negara kita ini dan tugas yang harus tidak disukai oleh mereka itu. Pada masa saya mendengar ucapan Menteri Kewangan yang panjang lebar itu maka terlintas di hati saya kalau tidak dengan berkat Tuhan dan kemurahan hati Y.T.M. Tunku, tentulah saya berdiri di tempat Menteri Kewangan dan menjalankan tugas yang tidak begitu disukai oleh setengah-setengah rakyat negeri ini.

Y.B. Menteri Kewangan telah menerangkan bagaimana kedudukan kewangan negara kita yang tidak begitu baik dan dengan sebab itu beliau terpaksa mengenakan cukai-cukai sebanyak \$115 juta untuk hendak membolehkan Kerajaan menjalankan pentadbiran negara dan melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan. Oleh itu kalau Ahli-ahli Dewan ini berasa susah hati setelah mendengar ucapan itu, pada fikiran saya, sekarang ini adalah menjadi tanggungjawab saya bagi menyenangkan hati tuan-tuan sekalian di Dewan ini.

Sungguhpun kita kekurangan wang, tetapi ini tidaklah bermakna yang negara kita terlalu miskin atau tidak lama lagi kita akan jatuh bankrap. Begitu juga tidaklah bermakna yang kemajuan-kemajuan akan dikecilkan. Nyatalah disebabkan saya berdiri sekarang ini untuk mengemukakan perbelanjaan pembangunan yang memakan belanja yang besar iaitu \$836 juta dan Kerajaan telah menegaskan bahawa Kerajaan adalah berazam hendak melaksanakan Rancangan 5 Tahun Yang Pertama Malaysia yang telah dipersetujui oleh Dewan ini pada awal tahun lalu. Nyatalah sungguhpun kita kekurangan wang pada tahun 1967 ini rancangan-rancangan kemajuan akan dapat dilaksanakan juga dan negara kita akan meningkat kepada kemajuan-kemajuan yang lebih besar dan lebih luas lagi.

-
1. Dato' C.M. Yusuf bin Sheikh Abdul Rahman.
 2. Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.
 3. Tun Tan Siew Sin

Sebenarnya jikalau kita ada wang lebih lagi, kita boleh utukkan bagi pembangunan, kita dapat menjalankan rancangan-rancangan yang lebih banyak lagi kerana kita ada mempunyai jentera pentadbiran yang boleh melaksanakan rancangan-rancangan yang lebih luas lagi. Tetapi apa juga wang yang kita akan kutip daripada cukai negara dan juga bantuan-bantuan yang kita akan dapati daripada negara-negara sahabat, kita akan belanjakan wang itu dengan cermat dan memberi sepenuh-penuh faedah kepada negara kita.

Tahun 1967 ini adalah tahun yang cemerlang yang kita patut mempunyai kesyukuran. Dengan tamatnya konfrontasi dan pemulihan semula persahabatan antara kita dengan Indonesia dan juga dengan Filipina dan Pakistan, kita akan dapat meneruskan usaha dalam lapangan pembangunan dengan tidak diganggu oleh konfrontasi dan usaha-usaha bagi hendak mempertahankan keselamatan dan kedaulatan negara kita. Dan kita dapatlah menumpukan usaha yang lebih giat lagi kepada lapangan pembangunan. Dengan tamatnya konfrontasi, tentera-tentera British dan Komanwel terpaksa berundur dari Malaysia Timur disebabkan mereka itu tidak ada mempunyai tugas lagi dan tanggungjawab bagi menjaga keamanan dan mempertahankan Malaysia Timur itu adalah terletak di tangan tentera-tentera darat, laut dan udara dan juga pasukan polis negara kita. Sungguhpun pasukan keselamatan negara kita ini muda dan baru ditubuhkan, akan tetapi kita bolehlah berbangga dengan kecekapan, kehandalan dan keberanian mereka itu. Oleh itu sebagai Menteri Pertahanan, saya suka meminta Dewan ini bersama-sama dengan saya memberi pujian yang tinggi kepada pegawai-pegawai dan ahli-ahli tentera Malaysia yang telah memberi perkhidmatan yang sangat cemerlang bagi mempertahankan negara kita pada masa kedaulatan dan kemerdekaan negara kita sedang diancam pada masa 3 tahun yang lalu. Saya percaya, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, tentu bersetuju dengan saya bahawa kita di negara ini adalah berhutang budi yang tidak terhingga kepada mereka-mereka yang telah berkorban jiwa dan pada mereka-mereka yang terpaksa menghadapi kesukaran untuk mempertahankan tanahair kita. Disebabkan pengorbanan mereka itulah maka kita dapat hidup dalam keadaan aman dan dapat menikmati kemajuan-kemajuan yang sedang kita saksikan di sekeliling kita di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua',

Sungguhpun konfrontasi telah tamat, akan tetapi kita tidak boleh berdiam diri ataupun leka dalam lapangan pertahanan dan keselamatan negara. Oleh sebab masih ada lagi pengganas-pengganas komunis dalam negara kita ini, kita terpaksa mempunyai tentera dan pasukan keselamatan yang cukup untuk menjaga keselamatan negara kita dan kita terpaksa membelanjakan wang yang banyak sedikit dalam lapangan pertahanan dan keselamatan dalam negeri. Akan tetapi sebagai Menteri Pertahanan, saya boleh memberi akuan kepada Dewan ini bahawa saya tidak akan membelanjakan wang dalam lapangan pertahanan lebih daripada sebenar-benarnya mustahak dan kita tidak akan mempunyai tentera lebih bilangannya daripada yang kita fikirkan patut bagi pertahanan negara kita. Bagaimanapun tentu tuan-tuan dan puan-puan bersetuju, sebagai Menteri Pertahanan saya hendak membelanjakan wang untuk pertahanan dengan banyak

tentulah Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar tidak membenarkan kerana wang itu dikehendaki untuk rancangan-ancangan kemajuan. Sekarang saya akan berpaling pula kepada pembangunan.

Pada masa saya mengemukakan Rancangan 5 Tahun Yang Pertama Malaysia tahun dahulu, saya telah terangkan kepada Dewan ini bahawa bagi melaksanakan rancangan pembangunan itu kita akan berkehendakkan wang sama ada dengan pinjaman atau cukai dalam negeri dan dengan pinjaman dari luar negeri. Oleh itu langkah yang diambil oleh rakan saya, Menteri Kewangan, itu ialah semata-mata bagi melaksanakan perkara-perkara yang kita telah pun tentukan pada masa kita mengemukakan Rancangan 5 tahun Yang Pertama Malaysia. Langkah-langkah yang diambil untuk mendapatkan wang seperti dalam ucapan Menteri Kewangan itu adalah semata-mata untuk hendak melaksanakan Rancangan 5 Tahun Yang Pertama Malaysia yang telahpun dipersetujui oleh Dewan ini. Seperti Ahli-ahli Dewan ini sedia mengetahui, kita di Malaysia ini mempunyai jentera pentadbiran dan kebolehan untuk melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan kita dengan licin dan sempurna seperti yang telah ditunjukkan pada masa kita melaksanakan Rancangan 5 Tahun Yang Kedua yang lalu. Jadi, nyatalah kalau wang yang dikehendaki itu dapat kita adakan maka Rancangan 5 Tahun Yang Pertama Malaysia ini, termasuklah rancangan-rancangan yang ditentukan bagi tahun 1967, akan dapat kita laksanakan dengan sempurna.